

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**  
**MASA : 10.30 PAGI**  
**TEMPAT : DEWAN KOMPLEKS SUKAN,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*- Pengerusi  
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis  
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
5. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
6. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
7. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
8. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
9. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
10. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
11. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
12. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
13. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
14. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
15. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
16. Encik Baharudin bin Misran, *P.J.K.* - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
19. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis
20. Encik Low Kok Hua - Ahli Majlis

21. Encik Mohd Yasin bin Alwi, *A.I.S.* - Setiausaha

### **TURUT HADIR**

1. Encik Miskon bin Haji Karim, *A.I.S., P.P.T.* - Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarulzaman bin Ahmad, *P.J.K.* - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, *A.M.S., P.P.T., P.K.T.* - Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
4. Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, *P.P.T.* - Pengarah Jabatan Kejuruteraan
5. Tuan Haji Zailani bin Hashim, *P.P.T., P.K.T.* - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
6. Encik Hishamuddin bin Ismail, *P.P.T.* - Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
8. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
10. Puan Nordila binti Yasir - Pengarah Jabatan Pelesenan
11. Encik Mohd Hairul Nizam bin Salimin - Ketua Jabatan Penguatkuasaan
12. Encik Hasrizal bin Abdul Rahim - Ketua Unit Perundangan
13. Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim - Ketua Unit OSC
14. Ybhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
15. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
16. Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
17. Puan Norain binti Mohamed - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

18. Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin - Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis

**DIJEMPUT HADIR**

1. Y.B. Tuan Lau Weng San - Pemerhati  
Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting
2. Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Baharudin - Pemerhati  
Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Morib
3. Encik P. Arumugam - Malaysia Nanban Daily
4. Encik Yeoh Win Siong - Sin Chew Daily
5. Encik V. Munusamy - Makkal Osai

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. Tuan Haji Fauzi bin Din,*PJK* - Pegawai Undang-Undang
2. Puan Hashila binti Hamzah - Pegawai Tadbir
3. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Penolong Pegawai Tadbir
4. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
5. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
6. Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil - Pembantu Operasi
7. Encik Mohd Sahlan bin Tukiran - Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<b><u>BACAAN DOA</u></b>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Pegawai Undang-Undang.	<b>Makluman</b>
2.0	<b><u>UCAPAN PENERUSI</u></b>	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:	
2.1	<p>Pihak Majlis perlu berusaha meningkatkan kutipan hasil supaya pentadbiran Majlis dapat bergerak dengan kemampuan kewangan yang mencukupi. Sekiranya kutipan hasil berkurangan tetapi perbelanjaan meningkat, pihak Majlis akan menghadapi masalah aliran tunai.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis perlu berfungsi untuk '<i>facilitate</i>' rakyat melalui penyediaan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur. Perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat juga perlu dipertingkatkan kerana pihak Majlis perlu bergerak dengan kemajuan perbandaran yang akan sentiasa muncul.</p>	<b>Makluman</b>
	Program-program sepanjang bulan Jun hingga Julai 2020 :	
2.2	<p>Jabatan Pelesenan telah mengadakan Taklimat Pembukaan Semula Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani Ketika Pelaksanaan PKPP pada 30 Jun 2020.</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan telah mengunjungi Medan Selera Sri Pekan dan mendapati pengunjung serta peniaga mematuhi prosedur standard operasi yang telah ditetapkan. Berkaitan pembukaan semula pasar malam, pasar pagi dan pasar tani, Tuan Pengerusi menyatakan jumlah pengunjung ke pasar tersebut didapati berkurangan susulan terdapat SOP yang perlu dipatuhi dan semua pihak perlu</p>	<b>Makluman</b>

		<p>menyesuaikan diri dengan cara baharu ini.</p> <p>Semalam Y.A.B. Perdana Menteri telah mengadakan sidang media dan mengingatkan rakyat supaya patuh kepada prosedur standard operasi yang didapati semakin longgar. Pada masa yang sama jumlah kes jangkitan COVID-19 didapati meningkat sejak akhir-akhir ini.</p>	
	2.3	<p>Jabatan Penguatkuasaan telah melaksanakan Operasi Pemotongan Bekalan Utiliti Terhadap Kilang Tanpa Kebenaran pada 30 Jun 2020.</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan PTG telah memberikan kelonggaran kepada kilang-kilang ini untuk menyertai program pemutihan sehingga bulan Disember 2020. Oleh itu, MPKL dan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat perlu proaktif dan bekerjasama dalam menggerakkan pelaksanaan program ini. Anggota penguatkuasa akan mengeluarkan notis kepada pemilik kilang untuk mereka datang ke Pejabat Daerah/Tanah bagi menyelesaikan isu tanah tapak kilang tersebut.</p>	<b>Makluman</b>
	2.4	<p>Majlis Penyerahan Sumbangan Program Inisiatif Hijau Kuala Langat telah diadakan pada 2 Julai 2020 dimana sebanyak 600 anak pokok buah-buahan sumbangan daripada LBS Foundation.</p>	<b>Makluman</b>
	2.5	<p>Tuan Pengerusi menyatakan isu pembuangan sampah haram di Kuala Langat tidak kritikal seperti di daerah lain. Beliau mendapati kebanyakan sampah haram ini merupakan sisa bahan binaan dan sampah domestik. Masalah akan timbul apabila berlaku kebakaran di lokasi pembuangan tersebut. Oleh itu, PBT dan Pejabat Daerah/Tanah perlu bekerjasama dalam menangani isu ini dengan mengambil tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sedang berbincang dengan KPKT untuk cadangan pembinaan 'insinerator' di Negeri Selangor kerana isu kekurangan tanah untuk dijadikan tapak pelupusan sampah.</p>	<b>Makluman</b>
	2.6	<p>Lawatan ke kawasan pembakaran terbuka di tapak pembuangan sampah haram di Jalan Pungguk, Batu 9 Telok Panglima Garang oleh Y.B. Menteri Alam Sekitar, Y.B. Exco Negeri Selangor bersama-sama Jabatan</p>	<b>Makluman</b>

		Alam Sekitar Negeri Selangor pada 15 Julai 2020.	
	2.7	Lawatan daripada Timbalan Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia bagi memaklumkan proses bancian penduduk dan perumahan Malaysia yang akan bermula pada 7 Julai 2020. Pihak Majlis akan membantu dari segi penyimpanan bahan-bahan bancian dan beberapa orang kakitangan MPKL telah dikenalpasti sebagai ' <i>Person In Charge</i> ' bagi bancian tersebut.	<b>Makluman</b>
	2.8	Pihak Majlis telah menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor pada 8 Julai 2020.	<b>Makluman</b>
	2.9	Majlis Apresiasi Jasamu Dikenang untuk Yang Dipertua MPKL, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid yang dilantik sebagai Pegawai Daerah Sepang berkuatkuasa 20 Julai 2020 telah diadakan pada 17 Julai 2020.	<b>Makluman</b>
	2.10	Skuad PANTAS MPKL telah melaksanakan beberapa operasi mengalihkan pokok tumbang yang berlaku di Bandar Mahkota, Taman Langat Utama 2, Jalan Bunga Pekan 2, Jalan Serdang Belah dan Bandar Seri Ehsan.  Tuan Pengerusi meminta JL melihat semula pokok-pokok yang telah uzur dengan melakukan cantasan terhadap pokok yang boleh mendatangkan bahaya dan menghalang pandangan kenderaan terutama di taman-taman perumahan.	<b>Makluman</b>
<b>3.0</b>	<b><u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u></b>		
	<b>3.1</b>	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JUN 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Razali bin Ahmad tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>

4.0	<b><u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u></b>		
	4.1	<p><b>KERTAS CADANGAN MEMBATALKAN PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</b></p> <p>Tuan Setiausaha memaklumkan satu mesyuarat khas akan diadakan untuk pihak Majlis membentangkan pilihan alternatif sama ada membatalkan atau meneruskan projek ini.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan tindakan pembatalan projek dan cadangan untuk meneruskan tindakan mahkamah akan menimbulkan pelbagai implikasi sama ada kepada pihak Majlis atau pihak lain yang berkenaan. Oleh itu, beliau akan melihat dan mengkaji laporan 'soil investigation' yang telah dilakukan sebelum ini. Tuan Pengerusi bercadang untuk meneruskan projek pembinaan dimana akan terdapat perubahan pada pelan asal dan ketinggian bangunan bergantung kepada kemampuan tanah tersebut.</i></p>	<b>Makluman</b>
5.0	<b><u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u></b>		
	5.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 JULAI 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p><b><u>Perkara 5.2.1</u></b></p> <p>Encik Mat Irwan melahirkan rasa gembira kerana pihak JKR telah mula melaksanakan kerja-kerja pembaikan lampu-lampu jalan yang tidak menyala di sepanjang Jalan Klang-Banting. Ini adalah kerana kawasan tersebut telah sekian lama berada dalam keadaan gelap.</p>	<b>Makluman</b>

	ii.	<p><b><u>Perkara 5.3.1</u></b></p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan banyak projek perumahan berskala kecil dibina di daerah Kuala Langat. Namun masalah perparitan sering menjadi isu utama di projek perumahan ini sama ada di bawah tanggungjawab pihak JPS atau pihak Majlis sendiri. Beliau memohon Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat melihat semula permohonan pembangunan projek perumahan berskala kecil ini dimana jabatan teknikal bukan hanya memberikan ulasan/pendapat ketika mesyuarat tetapi perlu turun padang dan melihat sendiri situasi yang berlaku di tapak.</p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan jabatan teknikal perlu menghantar wakil jabatan yang boleh membuat keputusan dan bersedia dengan maklumat yang diperlukan ketika mesyuarat.. Selain itu, beliau menyatakan projek perumahan berskala kecil ini sering menghadapi masalah saliran terutama apabila ia melibatkan taman perumahan baharu yang terletak berhampiran dengan taman perumahan lama yang mempunyai spesifikasi pembinaan yang berbeza.</i></p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan isu ini telah dibangkitkan di peringkat daerah dan peringkat Negeri Selangor. Beliau menyatakan isu banjir berlaku dimana sahaja dan tidak tertumpu kepada projek perumahan berskala kecil ini. Isu utama adalah tiada ‘master plan’ untuk sistem perparitan di daerah Kuala Langat. Susulan itu, JPS Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan kepada JPS Daerah Kuala Langat untuk menyediakan satu ‘master plan’ jajaran sistem perparitan di daerah ini.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan setiap agensi kerajaan mempunyai tanggungjawab masing-masing dan perlu bekerjasama dalam menyelesaikan perkara-perkara berbangkit yang timbul. Proses penyediaan ‘master plan’ ini bukan satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan jajaran baharu yang memerlukan kajian menyeluruh dan tidak melalui tanah hakmilik. Sekiranya jajaran tersebut didapati melalui tanah hakmilik, proses pengambilan tanah perlu dilakukan.</i></p> <p><i>Encik E.Munusamy mencadangkan pihak JPS membuat lawatan ke tapak projek perumahan poket ini sebelum projek dilaksanakan.</i></p>	Makluman
--	-----	--	----------



	iii.	<p>Encik Baharudin membangkitkan mengenai pembangunan yang dibuat terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kepada pihak Majlis. Beliau mengambil contoh Tadam Hill Resort yang dibina tanpa kelulusan tetapi mempunyai jalan keluar masuk, bekalan air dan elektrik. Sekiranya berlaku kemalangan di lokasi tersebut, pihak Majlis akan dipersalahkan kerana tidak mengambil tindakan pada peringkat awal pembinaan resort tersebut. Perkara ini tidak mendapat kerjasama yang baik daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor yang tidak pernah menghadiri mesyuarat yang diatitkan oleh pihak Majlis bagi menyelesaikan isu ini.</p> <p><i>Tuan Pengerusi berpendapat Pegawai Daerah perlu membangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk mengarahkan syarikat utiliti ini mematuhi arahan/dasar Pihak Berkuasa Negeri. Beliau mengambil contoh kerjasama dengan pihak Air Selangor yang mengenakan syarat kepada permohonan bekalan air supaya mengemukakan geran tanah dan Kebenaran Merancang.</i></p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan ketika Mesyuarat JKTD ada meminta mana-mana permohonan pembangunan perlu mendapatkan ulasan daripada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat berpandukan kepada geran tanah dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Ini mendapat maklumbalas yang baik daripada Air Selangor dan TNB dimana kedua-dua pihak sedang menunggu surat rasmi berkaitan perkara ini daripada Pejabat Daerah/Tanah.</i></p>	<b>Makluman</b>
	iv.	<p><b><u>Perkara 5.2.4</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon supaya pihak JKR menambah lampu jalan di Jalan Seribu Tahun, Olak Lempit kerana menjadi laluan lori muatan lebih 8 tan. Beliau mencadangkan pihak Majlis memasang palang besi di Jalan Epal 31, Bandar Mahkota dimana penghujung Jalan Seribu Tahun bersambung dengan jalan tersebut.</p> <p><i>Perkara ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah yang akan datang.</i></p>	<b>Makluman</b>

	v.	<p><b><u>Perkara 5.2.12</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon pihak JKR membuat kajian untuk menambahbaik jalan FR31 iaitu laluan keluar masuk Persiaran Bandar Mahkota kerana kemalangan jalan raya kerap berlaku di situ. Beliau berpendapat pihak JKR boleh menambah kemudahan keselamatan jalan raya supaya pengguna jalan raya akan lebih berhati-hati apabila melalui jalan tersebut.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan akan membangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah yang akan datang.</i></p>	<b>Makluman</b>
	vi.	<p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai 'batching plant' di Jalan Suria, Bandar Mahkota yang merosakkan jalan taman perumahan tersebut.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan pihak JKB dan JPK telah membuat lawatan tapak dan mendapati 'batching plant' tersebut adalah milik Syarikat BP Concrete. Tindakan sitaan telah dilakukan dan pemantauan yang dilakukan mendapati ia tidak beroperasi. Syarikat ini telah mengemukakan permohonan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat. Namun mesyuarat tersebut telah menolak permohonan syarikat kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terdapat sebuah lagi 'batching plant' di kawasan Bandar Mahkota iaitu Titanium Mix Concrete yang turut mengemukakan permohonan namun tidak diluluskan kerana semakan mendapati tapak yang dipohon adalah tapak perkuburan. Oleh itu, pihak Majlis berpendapat serahan tapak kubur tersebut sukar untuk dibuat sekiranya terdapat 'batching plant' di situ.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi berpendapat isu utama 'batching plant' ini adalah pihak yang perlu mengambil tindakan terhadap struktur 'batching plant' tersebut sekiranya pemilik meninggalkan tapak tersebut begiti sahaja apabila pihak Majlis tidak membenarkan ia terus beroperasi. Oleh itu, adalah penting untuk Pejabat Daerah/Tanah mengambil tindakan segera untuk mewartakan tapak perkuburan tersebut. Lori-lori 'batching plant' ini juga tidak dibenarkan menggunakan jalan taman perumahan sebagai laluan dan perlu menyediakan laluan sendiri dengan mendapatkan permit jalan keluar masuk daripada Pejabat Daerah/Tanah.</i></p>	<b>Makluman</b>

	5.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JULAI 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.4.1 dan Perkara 4.4.2</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong memohon kedua-dua kertas mesyuarat ini dipertimbangkan semula kerana tidak sesuai untuk dilaksanakan di daerah Kuala Langat.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan kebenaran penggunaan permit kaki lima dengan dikenakan caj tertentu. Beliau berpendapat amalan meletakkan barang jualan di kaki lima kedai dapat memudahkan orang ramai mengenal pasti jenis perniagaan yang dijalankan. Namun barang tersebut mestilah disusun dengan baik, dalam keadaan bersih dan sempurna serta perlu ada kawalan. Sekiranya perkara ini tidak dipatuhi, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan.</i></p> <p><b>PERKARA 4.4.1 - PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA KAKI LIMA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</b></p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju menolak kertas mesyuarat ini.</p> <p><b>PERKARA 4.4.2 - KERTAS CADANGAN MEWUJUDKAN DASAR PELESENAN BANDAR BARU DAERAH KUALA LANGAT</b></p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju menangguhkan kertas cadangan mewujudkan dasar pelesenan Bandar Baru Daerah Kuala Langat dan akan dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan yang akan datang.</p>	

	5.3	<p style="text-align: center;"><b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JULAI 2020</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :</p>	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.1.3</u></b></p> <p>Tuan Setiausaha memaklumkan telah menghubungi Seksyen PBT UPEN dan dimaklumkan bahawa sedang dalam peringkat penamaan calon bagi mengisi kekosongan Ahli Majlis yang terdapat di PBT selewat-lewatnya pada awal bulan September ini. Oleh itu, pihak Majlis masih kekal dengan keputusan untuk tidak membenarkan Ahli Majlis zon angkat menggunakan peruntukan zon angkat masing-masing.</p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan pihak UPEN perlu mempercepatkan proses pelantikan Ahli Majlis kerana kemungkinan terdapat penduduk di zon angkat ini yang memerlukan bantuan tetapi pada masa yang sama Ahli Majlis zon angkat tidak dibenarkan menggunakan peruntukan zon angkat tersebut. Beliau berpendapat pihak UPEN boleh membentangkan kertas kerja cadangan untuk membenarkan Ahli Majlis zon angkat menggunakan sejumlah daripada peruntukan zon angkat sehingga pelantikan Ahli Majlis baharu dibuat.</i></p> <p><i>Encik Baharudin berharap Ahli Majlis zon angkat boleh diberikan token/sagu hati kerana menggunakan sumber kewangan sendiri dalam menguruskan zon angkat. Selain itu, beliau berpendapat perlu ada satu garis panduan program-program yang dibenarkan dilaksanakan menggunakan peruntukan zon angkat.</i></p>	<p><b>Makluman</b></p>

	<b>5.4</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JULAI 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p><b><u>Perkara 5.3.1</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada terdapat peruntukan untuk mengadakan gotong-royong cegah denggi.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan pihak Majlis telah menerima peruntukan sebanyak RM 110,000.00 untuk program pencegahan denggi. Pihak Jabatan akan berbincang dengan JKPM untuk penyaluran peruntukan kepada setiap Ahli Majlis.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan program pencegahan denggi boleh dimulakan dengan aktiviti semburan kabus memandangkan aktiviti gotong-royong tidak sesuai untuk diadakan ketika PKP ini. Program ini boleh dimulakan di kawasan hotspot denggi.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan memaklumkan telah mengadakan Program 'Search and Destroy' dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah. Pihak PKD memaklumkan terdapat beberapa program yang sesuai dilaksanakan tanpa penglibatan ramai orang dan perlu mematuhi jarak sosial.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>5.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 JULAI 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	<b>5.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 JULAI 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	

	i.	<p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada terdapat peningkatan pembuangan sampah haram ketika Perintah Kawalan Pergerakan sebelum ini.</p> <p><i>Tuan Pengerusi berpendapat pembuangan sampah haram adalah terkawal sepanjang PKP memandangkan semua penduduk diarahkan berada di rumah.</i></p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan tindakan pembersihan akan dilakukan sekiranya terdapat laporan daripada anggota penguatkuasa yang membantu membuat pemantauan.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih memaklumkan terdapat lebih 30 kampung tradisi di daerah Kuala Langat. Beliau mencadangkan pihak Majlis berbincang dengan Pejabat Daerah/Tanah untuk melantik pihak KDEB menguruskan kutipan sampah kampung tradisi.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan menyatakan prestasi kutipan sampah pukal di kampung tradisi tidak begitu memuaskan. Sebelum ini Kerajaan Negeri ada menyalurkan peruntukan untuk pengurusan sampah pukal kepada pihak Majlis tetapi tidak secara tahunan. Ini menyebabkan pihak Majlis menggunakan peruntukan sendiri dengan melantik syarikat kontraktor untuk menguruskan sampah pukal di kampung tradisi. Beliau berpendapat pengurusan sampah pukal boleh diserahkan kepada pihak KDEB.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan satu perbincangan dengan pihak KDEB perlu dilakukan sebelum pihak Majlis membawa cadangan ini kepada Kerajaan Negeri.</i></p>	<b>Makluman</b>
<b>6.0</b>		<b><u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u></b>	
	<b>6.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JUN 2020.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>

	<b>6.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN 26 JUN 2020</b>							
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>						
	i.	<p><b><u>Perkara 2.0</u></b></p> <p>Encik Mat Irwan menyatakan projek pembangunan Kilang Best Eternity merupakan satu pelaburan yang besar di daerah Kuala Langat. Beliau melihat jenama Hub Industri Kertas dan Pulpa ini merupakan penjenamaan yang menarik memandangkan akan terdapat sebuah lagi kilang kertas dan pulpa di kawasan perindustrian Bandar Mahkota iaitu Syarikat Jingxing Holding (M) Sdn. Bhd.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan terdapat 4 kilang kertas di Kuala Langat iaitu Kilang GS Paper di Bandar Seri Ehsan, manakala Kilang Best Eternity, Kilang Jingxing Holding Sdn. Bhd. dan Kilang Nine Dragons Paper Holding yang akan beroperasi di Bandar Mahkota. Jenama Hub Industri Kertas dan Pulpa ini diwujudkan secara kebetulan memandangkan kilang-kilang kertas ini memerlukan air dalam penghasilan produk dimana kualiti air Sungai Langat di kawasan Bandar Mahkota didapati sesuai untuk industri kertas dan pulpa ini.</i></p>	<b>Makluman</b>						
<b>7.0</b>	<b><u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u></b>								
	<b>7.1</b>	<p><b><u>ADDENDUM NO. 1</u></b></p> <p><b>KERTAS PEMAKLUMAN KEPUTUSAN TEMUDUGA SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN DI PASAR BARU BANTING.</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.</p> <p>1. Permohonan yang berjaya akan dikenakan sewa dan cagaran seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="506 1732 1234 1879"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Petak pasar basah</th> <th>Petak pasar kering</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Saiz</td> <td>10'x15' @ 150kp</td> <td>7'x12' @84kp</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Petak pasar basah	Petak pasar kering	Saiz	10'x15' @ 150kp	7'x12' @84kp	<b>JPPH</b>
Kategori	Petak pasar basah	Petak pasar kering							
Saiz	10'x15' @ 150kp	7'x12' @84kp							

Kadar sewa	RM 150.00 sebulan	RM 120.00 sebulan
Cagaran	Cagaran sewa (3 bulan) = RM 450.00  Cagaran air = RM 200.00  Cagaran kebersihan = RM 500.00	Cagaran sewa (3 bulan) = RM 360.00  Cagaran air = RM 200.00  Cagaran kebersihan = RM 500.00
Jumlah cagaran	RM 1,150.00	RM 860.00

2. Cagaran kebersihan ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penyewa supaya sentiasa menjaga kebersihan petak pasar dan kawasan sekitar pasar tersebut.
3. Sekiranya didapati petak niaga dalam keadaan yang kotor, notis kesalahan akan dikeluarkan kepada peniaga tersebut. Sekiranya peniaga mendapat tiga kali notis kesalahan, pihak Jabatan akan merampas cagaran kebersihan dan penyewa dikehendaki membayar semula cagaran kebersihan.
4. Berikut adalah ringkasan keputusan mesyuarat :

<b>Petak pasar kering</b>		
Kekosongan ditawarkan	Lulus	Simpanan
60 petak	Sayur : 46 pemohon	3
	Buah : 6 pemohon	0
	Lain-lain : 8 pemohon	0
<b>Petak pasar basah</b>		
Kekosongan ditawarkan	Lulus	Simpanan
40 petak	Ikan : 18 pemohon	0
	Daging lembu : 10 pemohon	0



			<p>Daging kambing : 4 pemohon                      0</p> <p>Ayam bersih : 2 pemohon                      0</p> <p>Santan : 6 pemohon                      0</p>	
		<p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum kertas mesyuarat ini.</p>		
<b>8.0</b>	<b><u>UCAPAN PENANGGUHAN</u></b>			
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Gan Yee Chin.			
	8.1	<p>Beliau mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Morib, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini. Terlebih dahulu beliau memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan dalam ucapan yang akan disampaikan ini.</p>	<b>Makluman</b>	
	8.2	<p>Beliau menzahirkan rasa syukur kerana diberikan amanah untuk memegang jawatan Ahli Majlis bagi penggal kedua dan berterima kasih kepada seluruh warga MPKL yang memberikan kerjasama dan memberi tunjuk ajar selama dua penggal ini.</p>	<b>Makluman</b>	
	8.3	<p>Beliau memohon pertimbangan daripada Jabatan Kawalan Bangunan supaya memudahkan prosedur permohonan permit ubah suai kedai melibatkan penambahan satu atau dua '<i>partition</i>' bagi kegunaan ruang pejabat di tingkat bawah tanpa perlu meminta pemohon mengemukakan pelan arkitek. Garis panduan/syarat tersebut boleh dikenakan kepada</p>	<b>Makluman</b>	

		<p>pemohon yang ingin membuat pengubahsuaian besar atau menggunakan ruang kedai di tingkat dua.</p> <p>Bagi kerja pengubahsuaian di kawasan pentadbiran Kuala Langat, pihak Majlis mengehendkan penggunaan panel tong roro kepada pemilik rumah atau kontraktor dimana sepatutnya pihak pengurusan MPKL memberi ruang kepada perkhidmatan tong roro swasta untuk menjalankan perniagaan di kawasan Kuala Langat. Masalah pembuangan sampah haram melibatkan sisa pembinaan akan dapat diatasi jika Jabatan Kawalan Bangunan mensyaratkan kepada peniaga tong roro swasta supaya menghantar sisa pembinaan ke tapak pelupusan sisa binaan di Bukit Changgang.</p>	
	8.4	<p>Seterusnya beliau menyentuh mengenai isu pemaju dan pengusaha industri yang kerap mendirikan bangunan/memulakan kerja tanah terlebih dahulu tanpa kebenaran pihak Majlis sebelum perkara ini diadukan kepada Jabatan yang berkenaan untuk tindakan penguatkuasaan. Beliau berpendapat kenaaan denda pelan perlu ditingkatkan kepada tahap maksimum iaitu daripada 10 kali ganda kepada 20 kali ganda seperti yang termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 70, subseksyen 14 yang mengizinkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menetapkan denda gandaan pelan antara 5 kali ganda hingga 20 kali ganda.</p>	<b>Makluman</b>
	8.5	<p>Memandangkan kini merupakan zaman digital, beliau memohon pertimbangan pihak Majlis untuk memudahkan permohonan permit atau lesen secara atas talian seperti permit pemasangan khemah untuk majlis perkahwinan, permit anjing dan permit pemasangan banner. Ini akan menjimatkan masa dan memudahkan urusan tanpa perlu datang ke MPKL.</p>	<b>Makluman</b>
	8.6	<p>Masalah kutipan sampah kampung tradisi masih tiada perubahan daripada tahun 2016 hingga kini. Banyak sampah dibuang di luar tong, jadual kutipan yang tidak mampu mengatasi kapasiti sampah yang terlalu banyak dan kejadian tong sampah dibakar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Beliau berpendapat ini merupakan masa yang sesuai untuk pihak Majlis menyerahkan perkhidmatan kutipan sampah kampung tradisi kepada pihak KDEB. Ini akan dapat mengatasi masalah</p>	<b>Makluman</b>

		kekurangan jentera dan sumber manusia oleh pihak kontraktor, memudahkan pemantauan terhadap lokasi tong sampah dan mengurangkan aduan yang diterima oleh pihak Majlis.	
	8.7	Selepas dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran, pihak Majlis perlu menjadikan kawasan Kuala Langat lebih teratur dan indah. Jabatan Landskap boleh menumpukan kepada kawasan zon penampian diantara kawasan perumahan dengan kawasan industri/komersial yang kerap berlaku isu tanaman kontan oleh penduduk sehingga menghalang pandangan pengguna jalan raya dan menjadi pergaduhan penduduk yang berebut tapak tanaman kontan. Selain itu, banyak kenderaan berat diletakkan di kawasan zon penampian ini yang merosakkan bahu jalan sedia ada. Oleh itu, beliau mencadangkan tambahan peruntukan kepada Jabatan Landskap bagi menghias/mengindahakan kawasan zon penampian untuk mengurangkan masalah tersebut.	<b>Makluman</b>
	8.8	Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan MPKL yang telah menerima cadangan beliau pada tahun lepas dan berjaya melaksanakan inisiatif ' <i>Green Lane Counter</i> ' di laman pasar raya dalam daerah Kuala Langat.  Oleh itu pada hari ini, beliau mencadangkan dua langkah untuk Model ' <i>Green City</i> ' iaitu pihak Majlis boleh mensyaratkan kepada pemaju supaya menggunakan batu ' <i>interlocking</i> ' berlubang dalam penyediaan petak letak kereta dan ' <i>site table</i> ' bahu jalan. Batu ' <i>interlocking</i> ' yang berlubang ini boleh ditanam dengan rumput dan bertindak sebagai span dalam mengurangkan pengaliran air ketika hujan lebat dan mengelakkan banjir kilat di sekeliling kawasan tersebut. Yang kedua adalah penggunaan tenaga solar dimana pihak Majlis perlu memulakan inisiatif ini ke arah mempraktikkan penggunaan tenaga lestari. Terdapat sebanyak 150 syarikat penyedia tenaga solar yang boleh dilihat di laman web SEDA Malaysia. Semua pihak tidak perlu bimbang tentang kos pemasangan yang tinggi kerana ' <i>Net Energy Metering System</i> ' yang digalakkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli adalah tenaga elektrik berlebihan yang dihasilkan oleh panel solar boleh dijual semula untuk offset unit elektrik	<b>Makluman</b>

		yang digunakan.  Pihak Majlis boleh memulakan penggunaan tenaga solar ini daripada bumbung parkir, dewan, balai raya, pondok perhentian bas atau kedai milik Majlis supaya inisiatif ini akan berkembang pada masa akan datang. Tenaga solar ini lebih cekap menjana tenaga dengan kos yang rendah dan menjimatkan pembayaran bil elektrik.	
	8.9	Beliau mengucapkan terima kasih kepada Parti DAP yang memberikan peluang kepada beliau untuk menjadi Ahli Majlis, rakan-rakan seperjuangan dari Parti DAP dan ADUN Banting yang selalu menyokong pendapat dan cadangan di dalam mesyuarat.  Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Yang Dipertua yang membantu dalam menyelesaikan isu permohonan CCC lot banglo di Bandar Mahkota. Begitu juga kepada Pengarah Jabatan yang banyak membantu dalam menyelesaikan isu penyerahan jalan bagi kerja-kerja penyelenggaraan baju jalan, tiang lampu dan landskap di Persiaran Mahkota.	<b>Makluman</b>
	8.10	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja MPKL dan mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Dipertua MPKL yang baharu serta berharap muafakat yang terjalin akan menjadikan daerah Kuala Langat lebih bersih, indah dan harmoni.	<b>Makluman</b>
<b>9.0</b>	<b><u>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</u></b>		
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan seterusnya menanggungkan mesyuarat pada hari ini.	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.20 tengahari.

**MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2020**

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat  
Tarikh : 27/7/2020

Disemak oleh :

.....  
**(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)**  
Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*rosmawati/mesyuarat mpkl bil.5/2020*